

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24/01/2018

Kerajaan tidak akan tambat semula ringgit

BA-24/1/2018 pg-3

Datuk Seri Najib Razak menegaskan Malaysia tidak akan sesekali mengulangi langkah menambat ringgit seperti yang dilaksanakan kepimpinan sebelum ini.

Perdana Menteri berkata, langkah menambat ringgit boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran rakyat.

"Kita telah menegaskan bahawa kita tidak akan mengulangi langkah itu, dengan meyakini bahawa meskipun akan ada turun naik dalam tempoh jangka pendek, namun bagi jangka masa panjang paras ringgit akan mencerminkan kekuatan ekonomi Malaysia," katanya semasa melancarkan Invest Malaysia 2018, di Kuala Lumpur, semalam.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata demikian sebagai mengulas kenyataan yang dibuat oleh pemimpin pembangkang yang mempunyai tanggapan bahawa menambat semula ringgit akan menjadi satu langkah

yang mudah dan membantu.

Pelabur hilang keyakinan

Perdana Menteri berkata, bersandarkan kepada langkah yang dilaksanakan sebelum ini memperlihatkan pelabur dan pasaran global hilang keyakinan kepada negara.

Malah, tegasnya, negara terpaksa mengambil masa yang lama untuk meraih semula keyakinan pelabur selepas langkah menambat ringgit berbanding dolar AS yang dilaksanakan semasa Krisis Kewangan Asia pada 1997/98.

Invest Malaysia ke-14 itu dianjurkan oleh Bursa Malaysia Bhd dan Maybank.

Najib, yang juga Menteri Kewangan berkata, ini antara isu-isu lampau yang perlu diperbetulkan oleh kerajaan dan fokus sekarang tertumpu ke arah masa depan Malaysia.

"Kita sedar ia bergantung kepada prasarana modal insan, persediaan kita bagi revolusi perindustrian keempat, penguasaan ekonomi digi-

tal, kefasihan dalam bahasa, termasuk Bahasa Inggeris dan pelaburan kita dalam prasarana seperti jalan raya, jalan kereta api, pelabuhan dan sebagainya," katanya.

Perdana Menteri berkata kukuh transformasi ekonomi Malaysia terbukti dalam ekonomi baharu yang dibangunkan negara, dengan ringgit meningkat 10.4 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) tahun lalu.

Ringgit ditutup paras tinggi

Pada 5 Januari lalu, ringgit ditutup di paras tertinggi dalam tempoh 17 bulan, melepasi paras psikologi 4.0.

"Peningkatan ini disokong sebahagiannya daripada pemulihan harga minyak mentah dunia, tetapi ia juga menunjukkan sentimen positif dalam kalangan pelabur dan pengiktirafan terhadap asas ekonomi dan kewangan Malaysia yang amat baik," katanya.

Dalam pada itu, Najib berkata Zon Perdagangan Bebas

Digital (DFTZ) Malaysia, yang pertama seumpamanya di luar China, disasar dapat memanfaatkan pertumbuhan ekonomi internet dan perdagangan elektronik (e-dagang) rentas sempadan.

Walaupun ia secara rasminya hanya bermula November lalu, Perdana Menteri berkata lebih 2,000 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sudah pun mendaftar untuk mengambil kesempatan daripada peluang besar yang ditawarkan platform berkenaan.

Beliau berkata demikian dalam ucapan kepada lebih 1,000 delegasi di Invest Malaysia 2018 di Kuala Lumpur, semalam.

Perdana Menteri memberi jaminan agensi kerajaan seperti Malaysia Digital Economy Corp (MDEC) dan Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC), yang juga pusat sehati bagi menyokong keusahawanan, ditugaskan untuk memangkin kreativiti serta inovasi dalam kalangan syarikat.